

# Zheng Yang, Chui Fei terbaik Sukipt

Kejayaan memecah tiga rekod baharu kejohanan dan lima pingat emas Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (Sukipt) bagi acara renang membolehkan perenang Universiti Taylor's, Yeap Zheng Yang dipilih sebagai Olahragawan Sukipt 2018 di Bangi semalam.

Perenang Universiti Putra Malaysia (UPM), Angela Chieng Chui Fei pula dipilih sebagai Olahragawati Sukipt ekoran kejayaan memecahkan tiga rekod baharu kejohanan di kolam renang.

Ketiga-tiga rekod baharu kejohanan yang dipecahkan Zheng Yang termasuk acara 1,500 meter gaya bebas lelaki dengan mencatat 16 minit 19.78 saat (s) mengatasi rekod lama yang dicatat pada Sukipt 2016, 18.19.88s yang dicatat Nadi Saad.

Rekod baharu kejohanan turut dicatat dalam acara 400 meter (m) dan 800m gaya bebas lelaki, manakala dua lagi emas Zheng Yang hadir menerusi acara 4x200m gaya bebas lelaki dan 4x100m gaya bebas lelaki.



ZHENG YANG (empat dari kiri) dan Chui Fei bergambar bersama tetamu terhormat selepas dinobatkan sebagai Olahragawan serta Olahragawati SUKIPT 2018 di Bangi semalam.

Zheng Yang berharap kejayaan itu mampu menjadi pembakar semangat buatnya menjelang Sukan Asia yang akan berlangsung di Indonesia Ogos depan.

"Ini merupakan penyertaan Sukipt saya yang pertama, jadi pencapaian sebagai olahragawan amat istimewa untuk

saya bawa sebagai bekalan sebelum saringan Sukan Asia nanti," katanya.

Majlis perasmian penutup disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah Univesiti Kebangsaan Malaysia, Tan Sri Dr. Ibrahim Saad.

Dalam pada itu, Chui Fei pula cemerlang bagi acara wanita apabila memen-



nangi enam pingat emas secara individu dengan lima daripadanya rekod baharu kejohanan.

Selaku Olahragawan dan Olahragawati SUKIPT, Zheng Yang dan Chui Fei menerima hadiah iringan sumbangan Yakult berupa tajaan lawatan ke Jepun dan tajaan minuman Yakult selama setahun.

Dalam pada itu, selepas empat tahun, UPM kembali bergelar juara Sukipt merampas takhta daripada juara dua kali berturut-turut, Universiti Teknologi MARA UiTM).

Pencapaian 44 pingat emas, 41 perak dan 33 gangsa membolehkan UPM dinobatkan sebagai juara, mengulangi pencapaian selaku juara edisi pertama Sukipt pada 2012, dibezakan dua pingat emas dengan UiTM yang meraih 42 pingat emas.